

20 ekspatriat lawat Orang Asli Pulau Carey

KENAL BUDAYA. Seramai 20 ekspatriat menyertai program kemasyarakatan dalam mengenali masyarakat Orang Asli di Pusat Kebudayaan Orang Asli Pulau Carey, Klang, Selangor baru-baru ini.

Peserta yang terdiri daripada warga Rusia, Denmark, Itali, Kazakhstan

dan China itu turut berpeluang melihat seni kraf tangan masyarakat Orang Asli selain mendalami gaya hidup kaum berkenaan.

Pada program itu, para peserta telah menyumbang pakaian, alat permainan, buku-buku, barang makanan selain wang tunai kepada masyarakat

Orang Asli.

Program dengan kerjasama Persatuan Amazing Hiking Malaysia, Persatuan Penulis Kembara Malaysia, Tourism Selangor dan Kumpulan Karang kraf itu disempurnakan oleh Naib Presiden Majlis Pelancongan Malaysia, Datuk Azlie Halim.



AZLIE (berdiri depan, tiga dari kiri) bergambar bersama kumpulan ekspatriat pada program kemasyarakatan bersama penduduk kampung Orang Asli Pulau Carey, Klang baru-baru ini.